



**TEKS ALUAN**  
**DATO' DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA**  
**MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-**  
**OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**



**PERASMIAN PUSAT KEUSAHAWANAN  
KOMUNITI PENDANG  
SEMPENA SAMBUTAN 50 TAHUN  
ANGKASA**

**25 JANUARI 2022 (SELASA)**

**2.30 PETANG**

**PUSAT KEUSAHAWANAN KOMUNITI**



## **PENDANG, KEDAH**

---

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Ta'alla Wabarakatuh, Salam Sejahtera  
dan Salam Keluarga Malaysia



# [SALUTASI            DISEDIAKAN            URUSETIA PROGRAM]

Dato'-Dato' /Datin-Datin/tuan-tuan/puan-puan wakil-wakil koperasi dihormati sekalian.

---



1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kita dapat berkumpul pada Majlis Perasmian Pusat Keusahawanan Komuniti Pendang anjuran Jawatankuasa Perhubungan



ANGKASA Negeri Kedah sempena Sambutan 50 Tahun ANKASA.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak ANKASA dan Jawatankuasa ANKASA Perhubungan ANKASA Negeri Kedah, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan



ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md. Nor, Menteri Besar Kedah yang sudi bersama-sama menjayakan majlis ini. Komitmen ini menunjukkan, YAB amat



komited dengan pembangunan koperasi dan keusahawanan di negeri ini.

**YAB Dato' Seri/Dato'-Dato'/Datin-Datin/Tuan-Tuan/Puan yang dihormati sekalian**





3. Untuk makluman, pada tahun 2021 ANGKASA telah mencapai usia 50 tahun penubuhannya. Bersempena sambutan itu, pelbagai aktiviti dan program bermakna untuk pembangunan koperasi dianjurkan di peringkat pusat dan ANGKASA negeri.



ANGKASA Kedah mengambil kesempatan mengadakan majlis perasmian Pusat Keusahawanan Komuniti (PKK) Pendang sebagai satu kaedah untuk mempromosikan pusat sehentini dan menyemarakkan lagi sambutan ANGGKASA 50 tahun.



4. ANGKASA mengambil alih pengurusan PKK daripada Majlis Daerah Pendang sebagai satu usaha untuk membantu dan menyediakan platform untuk koperasi dan anggota koperasi berniaga dengan tujuan utama untuk mengumpul aktiviti dan



produk-produk koperasi di Pendang khususnya untuk dipromosikan kepada pengunjung yang datang ke daerah ini. Usaha ini, selaras dengan pengisytiharan Daerah Pendang sebagai Daerah Keusahawanan bagi negeri Kedah.



5. PKK menawarkan 18 lot kedai yang telah disewakan kepada koperasi-koperasi dan beberapa lot lagi telah diubah suai untuk dijadikan pejabat, surau, pusat pengedaran, kedai Coop Farmasi dan kedai BA100 turut beroperasi di sini. Pusat komuniti



ini juga menawarkan bilik seminar untuk disewa bagi aktiviti-aktiviti komuniti. Masyarakat di sekitar ini dan koperasi boleh mendapatkan kemudahan ini pada kos yang berpatutan.



6. Bagi mempertingkatkan dan merencanakan lagi aktiviti ekonomi dan perniagaan di kawasan ini, ANGKASA Pusat melalui ANGKASA negeri Kedah akan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti, perniagaan dan kemudahan awam yang relevan dan sesuai



dengan persekitaran serta keperluan masyarakat awam di kawasan ini seperti menjalinkan kerjasama dengan bank-bank untuk menempatkan perkhidmatan ATM di premis ini, penganjuran kursus/seminar, kelas-kelas agama, pusat tuisyen dan sebagainya.





7. Kita juga akan memastikan koperasi-koperasi menjalankan perkhidmatan dan perniagaan yang sesuai dengan keperluan masyarakat hari ini seperti perkhidmatan baiki handphone, komputer, kedai potong dan jahit pakaian dan sebagainya. Ini



antara usaha-usaha yang akan lakukan untuk mencergaskan lagi aktiviti perniagaan di kawasan ini.

**YAB Dato' Seri/Dato'-Dato'/Datin-Datin/Tuan-Tuan/Puan yang dihormati sekalian**



8. ANGKASA akan terus komited untuk mempertingkatkan semangat keusahawanan dalam kalangan koperasi dengan memberi sokongan dan membantu membangunkan perniagaan koperasi selaras dengan tanggungjawab yang diamanahkan



kepada ANGKASA dan Dasar Keusahawanan Negara 2030 yang mahu membentuk masyarakat Malaysia yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan menjelang 2030. Usaha ini juga menyokong dasar Kerajaan untuk meletakkan keusahawanan sebagai strategi



utama pembangunan ekonomi  
negara.

9. BA100 antara program  
pemeriksaan perniagaan yang  
ditawarkan ANGKASA kepada  
koperasi di bawah Sektor



Pemborongan dan Peruncitan ANGKASA yang digerakkan secara bersama ANGKASA, SKM dan IKMA. Pada tahun ini, Program BA100 mensasarkan perolehan sebanyak RM7.2 billion melalui pembekalan kepada 3,000 kedai koperasi dan anggota koperasi yang menjalankan



aktiviti peruncitan. Ini dapat dilakukan dengan mensasarkan sekurang – kurangnya 1 *outlet* berfungsi sebagai kedai COOPMART di setiap DUN yang akan memberi manfaat kepada 3,000,000 pengguna.



10. ANKASA masih lagi membuka peluang dan menggalakkan koperasi dan anggota koperasi yang berminat untuk menyertai Program BA100. Antara kelebihan yang ditawarkan kepada koperasi yang menyertai program ini:





- ANKASA menawarkan 10 ribu kredit inventori kepada koperasi. Dalam masa 30 hari, baru koperasi bayar kepada ANKASA. Jadi bagi koperasi yg tiada atau kekurangan modal, boleh menyertai program ini.



- Menerima subsidi harga barang melalui program karnival BA100 (contoh tahun lepas ANGKASA beri diskaun 25 % barang koperasi dan 15 % barang bukan koperasi).
- Meningkatkan perolehan koperasi dan seterusnya meningkatkan sumbangan



kepada Tabung Kebajikan koperasi.

- Mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat, sebagai contoh koperasi yang menjalankan perkhidmatan penghantaran ke rumah, akan mewujudkan peluang



pekerjaan *rider*/pembantu kedai.

- Peluang mendapat bimbingan strategi pemasaran teknologi terkini. Contoh pemasaran melalui Shopee, Facebook Ads dan Instagram Ads.



- Peluang mengikuti bengkel dan kursus program peruncitan.

11. ANGKASA amat berharap agar koperasi terutamanya anggota koperasi menyokong program ini dengan menjadi pelanggan setia



kepada peruncit-peruncit yang berdaftar sebagai *outlet*. Sokongan padu dan kesepakatan dalam gerakan ini dapat membantu kelancaran program rangkaian pembekalan projek BA100 sekaligus memastikan kos barangan asas akan sentiasa terkawal dan dapat



dikurangkan.

12. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md. Nor, Menteri Besar Kedah** serta



anggota pentadbirannya kerana sudi bersama-sama kami, menjayakan program ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan **MAJLIS PERASMIAN PUSAT KEUSAHAWANAN KOMUNITI PENDANG**





# **SEMPENA SAMBUTAN 50 TAHUN ANGKASA.**

Sekian.

Wabillahitaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.